

## **Keadilan organisasi sebagai peramal terhadap interpersonal membantu dan kesetiaan dalam kalangan pekerja wanita di organisasi**

### **Abstrak**

Organisasi merupakan satu badan yang dianggotai oleh pelbagai individu tidak kira jantina, etnik atau peringkat umur yang menjalankan tugas dan peranan masing-masing bagi mencapai matlamat yang sama. Kepelbagai individu dalam organisasi menimbulkan variasi ragam dan tingkah laku yang berbeza-beza. Keadilan organisasi berupaya membentuk tingkah laku pekerja khususnya dalam membentuk sikap membantu rakan kerja yang memerlukan bantuan serta dapat menanamkan kesetiaan pekerja terhadap organisasi. Keadilan organisasi juga berupaya membentuk persepsi yang baik terhadap organisasi serta mengelakkan berlakunya diskriminasi terhadap pekerja. Oleh itu, satu kajian dijalankan bertujuan untuk mengkaji pengaruh keadilan organisasi terhadap tingkah laku interpersonal membantu dan kesetiaan dalam kalangan pekerja wanita. Seramai 247 orang pekerja wanita di Kota Kinabalu terlibat dalam kajian ini. Kajian menggunakan kaedah tinjau selidik yang melibatkan alat kajian Organizational Justice Survey (OJS) dan Organizational Citizenship Behavior Questionnaire (OCBs). Keputusan analisis mendapati keadilan organisasi mempengaruhi secara signifikan terhadap tingkah laku interpersonal membantu dan kesetiaan dalam kalangan pekerja wanita. Hasil analisis dan implikasi akan dibincangkan dengan lebih lanjut dalam kajian ini.